



"KESUCIAN HATI ASAS KETAKWAAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : أَلَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ يُزَكُونَ أَنفُسَهُمْ بَلِ
الَّهُ يُرِكِي مَن يَشَاءُ وَلَا يُظْلِمُونَ فَتِيلًاً .
أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقُونَ . قَالَ
الَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT. dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memperbanyak zikir kepada Allah SWT. dan memperbanyak selawat serta salam ke atas



junjungan besar Nabi Muhammad SAW. di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Khutbah pada minggu ini memberi kefahaman kepada kita dengan lebih jelas bahawa "**KESUCIAN HATI ASAS KETAKWAAN**".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kebersihan merupakan salah satu tuntutan yang tidak boleh dipandang ringan oleh umat Islam. Dalam Islam, tuntutan kebersihan bukan sahaja merujuk kepada kebersihan jasmani seperti kebersihan anggota tubuh badan mahupun kebersihan persekitaran tetapi juga merangkumi kebersihan rohani. Kebersihan mempunyai kaitan yang amat rapat dengan keimanan kita kepada Allah SWT.

Hadis daripada Abi Malik al-Asy'ari RA. bahawa Rasulullah SAW. telah bersabda:

الظُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

"Kebersihan itu sebahagian daripada iman".

(Riwayat Muslim).


Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Islam memberikan perhatian yang amat tinggi dalam soal kebersihan, sama ada kebersihan zahir mahupun batin. Sebagai contoh, Islam amat menuntut agar setiap umatnya yang mukallaf memastikan kebersihan ketika menuaikan solat seperti kebersihan anggota tubuh badan, pakaian, tempat solat dan sebagainya. Manakala hati dan jiwa kita pula perlu disucikan dan



diikhaskan semata-mata kerana Allah SWT. Begitu juga dalam soal mencari rezeki di mana Islam menuntut agar umatnya sentiasa memastikan hasil pendapatan mereka adalah bersih dari sebarang bentuk penyelewengan seperti hasil judi, hasil rasuah, penipuan, penindasan dan sebagainya. Kesemua perkara ini menunjukkan betapa Islam amat prihatin dalam soal kebersihan zahir dan batin.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah ayat 222 :

 إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْتَّوَبِينَ وَتُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian ,

Kebersihan lahiriah merupakan faktor yang amat penting dalam menjana kesihatan anggota tubuh badan kita. Dengan anggota tubuh badan yang sihat, kita akan dapat memanfaatkannya kearah memperbaiki kualiti ibadah kita kepada Allah SWT. Beramal ibadah dalam keadaan sebegini, sudah tentulah akan menambahkan lagi penumpuan dan rasa khusyuk kita kepadaNya berbanding kita beramal ibadah dalam keadaan yang sakit. Oleh kerana itulah Rasulullah SAW. mengingatkan agar umatnya sentiasa memelihara kesihatan anggota tubuh badan sebagaimana sabdanya yang bermaksud :

“Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara, masa sihat kamu sebelum sakit, masa kaya sebelum datangnya masa sempit, masa lapang sebelum tiba masa sibuk, masa muda sebelum datang masa tua, dan masa hidup sebelum tiba masa mati”.



(Riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kebersihan hati pula merupakan faktor yang amat penting dalam menjana kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Dengan hati yang bersih dan suci, kita akan dapat menjalani kehidupan ini dalam suasana yang aman tenteram dan sejahtera. Justeru untuk membersihkan hati dan mencapai kebahagiaan ini, kita haruslah menghindarkan sifat-sifat mazmumah seperti sifat sompong, riak, hasad dengki dan sebagainya. Sifat-sifat mazmumah yang wujud dalam hati kita ini menjadi penghalang kepada kehidupan harmoni yang kita inginkan selama ini.

Dalam hal ini Rasulullah SAW. telah bersabda yang bermaksud :

"Sesungguhnya dalam badan manusia itu ada segumpal daging, apabila baik daging tersebut maka akan baiklah seluruh anggota badan, tetapi apabila rosak daging tersebut maka rosaklah seluruh anggota badan, ia adalah hati".

(Riwayat Bukhari).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sikap suka mengabaikan kebersihan diri dan persekitaran boleh menyebabkan timbulnya berbagai-bagi penyakit seperti demam denggi yang mengancam dan mengorbankan nyawa manusia diakhir-akhir ini disebabkan kelalaian kita untuk menjaga kebersihan. Berdasarkan kenyataan akhbar Menteri Kesihatan Malaysia pada Ogos lalu, sejumlah 65,672 kes denggi dilaporkan di seluruh negara sejak awal tahun hingga Ogos tahun ini yang mana 128 daripadanya menyebabkan kematian.



Selain itu juga pengabaian terhadap kebersihan juga mengakibatkan keracunan makanan, cirit birit dan lain-lain lagi. Begitulah pula halnya, apabila kita sering mengabaikan kesucian hati akan menyebabkan berlakunya kemasuhan terhadap nilai-nilai luhur yang wujud dalam hati kita.

Imam al-Ghazali Rahimahullahu Taala menjelaskan bahawa hati manusia akan menjadi rosak apabila ia telah dapat dikuasai oleh syaitan sepenuhnya. Adapun cara syaitan menguasai hati manusia adalah dengan memasukkan sifat-sifat mazmumah seperti sifat sompong, riak, tamak, kikir dan lain-lain lagi. Inilah antara perkara-perkara keji yang sering mencemarkan kebersihan hati kita dan umat Islam seluruhnya.

Manusia yang hatinya bersifat sompong adalah amat dibenci oleh Allah SWT., sebagaimana ia juga dibenci oleh masyarakat yang beriman kepadaNya. Ini kerana sifat sompong ini akan melahirkan manusia yang mementingkan diri sendiri, takabbur dan membangga diri serta tidak mempedulikan hal-hal kemasyarakatan yang ada di sekelilingnya. Kesannya akan merosakkan tali silaturahim sesama insan dan menghilangkan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat seperti hilangnya perpaduan, kasih sayang, hormat menghormati dan lain-lain lagi. Sedangkan pada hakikatnya, manusia tidak mempunyai hak untuk bersifat sompong kerana sifat sompong ini hanyalah milik Allah SWT.

Sebagaimana disebutkan dalam hadis Qudsi yang bermaksud :

"Sombong itu selendang-Ku dan keagungan adalah sarung-Ku. Barangsiapa merampas salah satu darinya, Aku lemparkan dia ke Neraka Jahannam."

(Riwayat Abu Daud).



Selain sifat sompong, antara perkara keji yang mencemar dan merosakkan hati kita juga adalah sifat tamak haloba. Hati yang dikotori dengan sifat tamak akan menjadikan seseorang melihat sesuatu keburukan itu sebagai perkara yang baik, dan akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan apa yang diingininya tanpa mengira halal ataupun haram. Perkara seperti ini dapat kita perhatikan pada hari ini, antaranya perbuatan lobi melobi, rasuah, penyelewengan, pecah amanah dan sebagainya, kesemuanya adalah berpunca daripada sifat tamak yang wujud dalam hati manusia.

Hadis daripadai Ibnu 'Abbas RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ كَانَ لَابْنُ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَا يَتَغَيِّرُ
ثَالِثًا، وَلَا يَمْلأُ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا تُرَابٌ،
وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ

"Seandainya manusia diberi dua lembah berisi harta, tentu ia masih menginginkan lembah yang ketiga, dan tidaklah dapat memenuhi perut manusia melainkan tanah (apabila ia telah mati). Allah tentu akan menerima taubat bagi siapa sahaja yang ingin bertaubat."

(Riwayat Bukhari).

Justeru sifat sompong, tamak dan kesemua sifat mazmumah yang ada merupakan kotoran batin yang sewajarnya dibuang jauh-jauh daripada lubuk hati kita agar hati dan jiwa kita sentiasa bersih dan suci.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,



Cara yang paling berkesan untuk kita merawat hati yang telah dikotori oleh sifat-sifat mazmumah adalah dengan melakukan taubat dan memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT. Seorang hamba yang berdosa, apabila ia melakukan taubat nasuhah, Allah SWT bukan sahaja mengampuni dosa dan membersihkan hatinya, bahkan ia juga akan disayangi dan dimasukkan ke dalam syurga yang penuh dengan kenikmatan.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Tahrim ayat 8 :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَصُوحًا
عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَّكُمْ
جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

"Wahai orang-orang yang beriman! bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai".

Zikrullah pula mestilah dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana ia akan dapat membangunkan jiwa kita kearah mentaati perintah-perintah Allah SWT. Amalan ini sekaligus akan menjadi benteng pertahanan kepada hati kita daripada dikotori oleh sifat-sifat mazmumah tersebut. Zikrullah juga dapat memberikan kesan yang amat mendalam kepada kebersihan hati kita, di mana ia dapat menimbulkan rasa kehambaan kita kepada Allah SWT., lantas menjadikan hidup kita sentiasa dalam keadaan aman dan tenteram.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Ra'd ayat 28 ;



الَّذِينَ إِمْنَوْا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا
بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ



"(laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah, ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Secara kesimpulannya, kebersihan memberikan pengaruh yang amat besar dalam pembentukan jasmani dan rohani kita. Jasmani yang bersih menjadi lambang kesucian hati kita, begitulah juga hati yang suci dapat mempengaruhi kebersihan jasmani kita. Oleh kerana itu, marilah kita bersama-sama menghayati dan berusaha untuk mengamalkan perkara-perkara yang berikut ;

Pertama : Berusaha untuk membersihkan hati kita daripada sifat-sifat mazmumah dengan memperbanyakkan zikir taubat dan amal ibadah kepada Allah SWT.

Kedua : Sentiasa berusaha hadir kekuliah-kuliah dan program-program ilmiah yang dianjurkan oleh masjid-masjid dan surau-surau untuk membentuk keperibadian kita menjadi individu yang berakhlak mulia.

Ketiga : memastikan diri dan persekitaran kita sentiasa bersih untuk mengelakkan berbagai jenis penyakit yang memudaratkan tubuh badan kita.



Keempat : Melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti gotong royong menjaga kebersihan selain dapat menghubung dan mengeratkan tali silaturrahim di sesama masyarakat di sekeliling kita.

Kelima : sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT. dan manusia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

“Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)”.

(asy-Syams : 9-10).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ، هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ
وَسَلَامُهُ ؎ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta



mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجَنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٌ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.